

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
9 March 2016



SEBAHAGIAN daripada Ahli Parlimen bertafakur bagi mengenang genap dua tahun tragedi kehilangan pesawat MH370 semasa sidang Dewan Rakyat di Kuala Lumpur, semalam. - IHSAN THE STAR

Asas ekonomi semakin baik - PM

um-9/3/2016

■ KUALA LUMPUR 8 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak menyifatkan asas ekonomi negara sebagai semakin baik berikutan harga minyak yang bertambah kukuh sejak akhir-akhir ini.

Perdana Menteri berkata, perkembangan mutakhir itu juga membawa kepada pengukuhan nilai ringgit yang kini berada pada paras 1USD bersamaan RM4.

"Nampaknya mutakhir ini, harga minyak semakin kukuh apabila hari ini dalam lingkungan RM164 setong. Dalam pengubahsuaian Bajet 2016, kita andaikan harga minyak pada RM123 hingga RM143 dan sudah tentu perkara ini juga menyebabkan nilai ringgit juga bertambah kukuh.

"Ini menunjukkan asas kita semakin baik, mudah-mudahan keadaan persekitaran ini berterusan. Namun, kerajaan akan terus memantau perkembangan secara terperinci," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad (BN-Kuala Kangsar) mengenai persediaan di luar jangka

kerajaan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Najib menegaskan bahawa kerajaan akan tetap melaksanakan projek atau program yang telah diluluskan dengan keutamaan diberi kepada program berteraskan rakyat dan projek yang memberi kesan pengganda yang tinggi.

Kata Najib, semua projek yang diumumkan oleh kerajaan semasa pembentangan Bajet 2016 dan Rancangan Malaysia Ke-11 antaranya pembinaan rumah mampu milik, hospital, sekolah, lebuhraya serta jalan, infrastruktur kemudahan asas, utiliti, komunikasi dan projek pembangunan untuk modal insan merupakan keutamaan demi kepentingan rakyat serta pembangunan negara.

"Selain itu, pembangunan di kawasan luar bandar termasuk projek pertanian berskala kecil dan sederhana akan terus dimajukan. Kerajaan juga akan memastikan segala perancangan projek pembangunan di Sabah dan Sarawak dilaksanakan mengikut jadual.

"Melalui pengubahsuaian Bajet

2016 yang diumumkan baru-baru ini, suka saya jelaskan bahawa kerajaan tidak membatalkan atau mengurangkan projek yang telah diluluskan. Namun, langkah itu lebih kepada penyesuaian aliran tunai dengan mengagihkan semula peruntukan sesuatu projek atau program pembangunan," jelas beliau.

Mengulas lanjut, Najib berkata, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, walaupun negara berhadapan dengan pengurangan hasil berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia tetapi kerajaan akan memastikan perbelanjaan dibuat secara optimum serta pelaksanaan program dan projek berimpak tinggi diteruskan.

Katanya, pada 1 Mac lalu, kerajaan juga telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai langkah-langkah mengoptimalkan perbelanjaan kerajaan.

"Langkah ini bertujuan supaya ketua-ketua jabatan di semua agensi kerajaan menguruskan sumber dengan cekap selain menyusun semula keutamaan program dan projek masing-masing agar lebih berkesan serta sejajar dengan agenda nasional," ujarnya.